

|           |                  |
|-----------|------------------|
| Newspaper | BERITA HARIAN    |
| Date      | 22 NOVEMBER 2016 |

# Kaum India tolak Bersih 5, Dr Mahathir

PH - 22/11/2016

Sebahagian besar kaum India menolak tuntutan Bersih 5 kerana mereka kelihatan semakin menyokong kerajaan pimpinan Datuk Seri Najib Razak kerana Najib banyak membantu dan membela kepentingan mereka berbanding Perdana Menteri sebelumnya, khususnya Tun Dr Mahathir Mohamad. Kerajaan pimpinan Najib memperuntukkan berjuta-juta ringgit bagi memperkasakan ekonomi kaum India.

Peruntukkan khas disediakan untuk membantu dan menggalak generasi muda India menceburi bidang keusahawanan, perniagaan kecil dan sederhana. Malah, kerajaan negeri yang ditadbir oleh BN juga baru-baru ini didapati mengikuti langkah Najib dalam memperuntuk berjuta-juta ringgit sebagai peruntukan khas membantu pembangunan kaum India.

Sebagai contoh, baru-baru ini Johor memperuntuk RM6 juta dalam Bajet 2017 negeri untuk kaum India termasuk peruntukan RM2.5 juta bagi membiayai ikhtiar keusahawanan, RM1.5 juta untuk pendidikan dan RM2 juta untuk kebajikan. Selain itu, kerajaan Johor juga memperuntuk RM1 juta bagi tujuan baik pulih sekolah jenis kebangsaan Tamil (SJKT) bersama dengan tambahan RM64 juta untuk bangunkan infrastruktur sekolah Tamil.

Dengan perubahan paradigma dalam pendekatan kerajaan Persekutuan dan negeri dalam usaha membantu dan memperkasa kaum India supaya mereka sama-sama membangun dalam bidang ekonomi, kaum India kini didapati lebih mendekati dan menyokong kepemimpinan Najib. Malah, kerajaan pimpinan Najib

buat kali pertama dalam sejarah Malaysia menubuhkan beberapa agensi khas di bawah Jabatan Perdana Menteri untuk membantu kaum India.

Antaranya, agensi Pasukan Tugas Pelaksanaan Khas (SITF), Sekretariat bagi Memperkasa Usahawan India (SEED) dan Program Unit Khas bagi Pembangunan Ekonomi Sosial Masyarakat India (SEDIC). Agensi ini bekerjasama dengan agensi lain kerajaan yang menyediakan bantuan kewangan dalam usaha melahirkan sebuah komuniti keusahawanan India.

Contohnya, sehingga kini seramai 28,215 usahawan India diwujudkan sejak SEED ditubuhkan. Pinjaman perniagaan berjumlah RM1.176 bilion meliputi dua bidang, iaitu perniagaan mikro serta perusahaan kecil dan sederhana (P KS) juga disediakan untuk usahawan India.

Selain itu, agensi kerajaan terbabit juga dilaporkan membantu memperoleh pinjaman modal untuk menjalankan perniagaan daripada institusi kewangan pembangunan kerajaan seperti Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN) Nasional, Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) dan SME Bank.

## Bantu usahawan wanita

Sehingga kini RM235.3 juta disalurkan menerusi TEKUN untuk membiayai 17,697 pengusaha kecil; AIM pula memberi bantuan RM106.5 juta kepada 9,041 usahawan; sementara SME Bank telah memberi pinjaman RM277.1 juta yang memanfaatkan 172 usahawan India. Skim Pembangunan Usahawan Masyarakat India (SPUMI) di bawah Tekun Nasional pula dilaporkan memberi manfaat 16,841 usahawan India, termasuk 10,429 lelaki dan 6,412 perempuan



Sehingga kini RM235.3 juta disalurkan menerusi TEKUN untuk membiayai 17,697 pengusaha kecil; AIM pula memberi bantuan RM106.5 juta kepada 9,041 usahawan; sementara SME Bank telah memberi pinjaman RM277.1 juta yang memanfaatkan 172 usahawan India”

an sejak 2008.

Kementerian Belia dan Sukan dilaporkan menyediakan RM37 juta untuk melahirkan usahawan wanita, malah bantuan kewangan juga disediakan untuk menggalak belia menceburi bidang sukan bola sepak melalui Malaysian Indian Football Association (MIFA) yang ditaja oleh MIC. Bantuan sebanyak RM 742.68 juta juga disediakan untuk pembangunan sekolah-sekolah rendah jenis kebangsaan Tamil sejak 2012 hingga 2016.

## Pelan jangka panjang

Dalam Bajet 2016, SEED mendapat peruntukan RM100 juta melalui TEKUN untuk usahawan masyarakat India, selain RM50 juta oleh SME Bank untuk bantuan usahawan kecil India.

Dalam Bajet 2017 juga kaum India terus diberi perhatian khas oleh kerajaan pimpinan Najib dengan peruntukan RM100 juta menerusi TEKUN Nasional dan RM50 juta melalui Amanah Ikhtiar Malaysia.

Malah, pelan tindakan jangka panjang pembangunan kaum India bakal dilancarkan pada 2017 untuk terus melestarikan pembangunan kaum India.

Dengan pelaksanaan program membantu kaum India, ramai anak muda membabitkan diri dalam bidang perniagaan, kecil dan sederhana. Justeru, kaum India terutama generasi muda tidak akan dipengaruhi agenda Bersih 5 atau retorik politikus ‘desperado’ atau kecewa.

Penyertaan yang sangat kecil kaum India dalam Bersih 5 jelas menunjukkan mereka bukan sahaja menolak agenda Bersih 5.0 malah turut mengambil pendirian menjauhi agenda pergerakan Bersih.

## Komentar



**M Periasamy**  
Pensyarah Komunikasi Strategik, Institut Penerangan dan Penyiaran Tun Abdul Razak (IPPTAR)